

-Maklumat salah kelirukan pegawai

②
KUALA LUMPUR, Khamis — Ada pihak sengaja memberi maklumat tertentu untuk mengelirukan pegawai kerajaan di peringkat daerah sehingga mereka kadang-kala percaya sesuatu tindakan kerajaan itu salah, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Dalam pada kita sibuk melaksanakan program pembangunan untuk kepentingan rakyat, pihak berkenaan sengaja menyebarkan maklumat yang mengelirukan pegawai kerajaan di peringkat daerah sehingga menjejaskan prestasi pencapaian mereka.

“Bagi mengatasi masalah itu, adalah perlu kita menyusun semula strategi di peringkat daerah serta memberikan penjelasan lebih terperinci mengenai sebarang ke-

musykilan yang mereka bangkitkan,” kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Beliau berkata demikian di sidang akhbar selepas mengadakan perjumpaan khas dengan 125 pegawai daerah dari seluruh negara di Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Katanya, beliau juga akan mengadakan lawatan ke seluruh daerah di negara ini bagi menemui pegawai dan pemimpin politik setempat untuk mengetahui lebih mendalam perkembangan dan masalah yang mereka hadapi serta mencari jalan mengatasinya.

Lawatan pertama ke daerah Hulu Selangor akan diadakan pada 19 Disember diikuti beberapa daerah lain di Selangor Darul Ehsan.

Katanya, lawatan ke daerah akan diketuai oleh sama ada beliau atau Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba.

Beliau berkata, kekeliruan yang berlaku, terutama mengenai fungsi ahli politik dan kakitangan kerajaan di peringkat daerah adalah menyeluruh dan tidak terhad di sesuatu daerah atau negeri tertentu sahaja.

Menurut Perdana Menteri, ia bukan perkara baru, tetapi memang sudah lama dihadapi kerana pertindihan kuasa di antara pegawai kerajaan dan ahli politik setempat seperti wakil rakyat atau wakil Dewan Undangan Negeri.

Beliau berkata, dalam keadaan itu, sekiranya tidak ada persefahaman di antara ahli politik dan pegawai daerah sudah pasti akan timbul kekeliruan dan kekecohan.